

15/12/2004

AS dipersalahkan jika perang saudara meletus

KUALA LUMPUR: Amerika Syarikat (AS) harus memikul tanggungjawab penuh jika berlaku perang saudara di Iraq selepas pilihan raya negara itu Januari depan, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Bekas Perdana Menteri berkata, kesalahan perlu diletakkan kepada mereka yang memulakan perang dan menakluki Iraq dengan alasan untuk memerangi keganasan bagi melindungi agenda tersembunyi.

"Mereka (AS) bertanggungjawab atas kematian selepas pilihan raya...jika mereka (rakyat Iraq) bergaduh sesama mereka.

"Ini adalah tragedi dan sukar diselesaikan dalam masa terdekat," katanya ketika merasmikan pameran mengenai Palestin dan Iraq End The Agony di Galeri Petronas di KLCC, di sini semalam.

Hadir sama, Pengerusi Institut Penyelidikan Sosiologikal Malaysia dan Citizens International, S M Mohamed Idris dan bekas Presiden Persatuan Muslim Britain, Anas Takriti.

Pengunjung ke pameran yang berlangsung sehingga 26 Disember itu turut berpeluang menyaksikan pertunjukan multimedia, selain menyertai kuiz dan menandatangani petisyen.

Dr Mahathir berkata, ada negara tertentu beranggapan membunuh orang yang tidak bersalah sebagai satu cara untuk mengatasi keganasan.

"Mereka bukan saja membunuh pengganas tetapi rakyat yang tidak berdosa. Ada orang berpendapat pihak yang menang sentiasa betul manakala yang kalah, bersalah. Jadi, kita melihat ketidakadilan atas nama demokrasi dan kebebasan," katanya.

Pilihan raya Iraq dijadual berlangsung pada 30 Januari tahun depan.

Agensi perisikan AS mendedahkan keadaan di Iraq akan menjadi semakin buruk pada beberapa bulan akan datang, menurut laporan yang disiarkan 9 Disember lalu.

Akhbar New York Times melaporkan, satu kawat sulit yang dihantar bulan lalu oleh ketua Agensi Perisikan Pusat AS (CIA) di Baghdad berhubung penilaian tahunan terhadap keadaan di Iraq, mendedahkan keadaan semakin buruk di negara itu termasuk dalam aspek ekonomi dan keselamatan.

(END)